



B/1

## B. MAMPU LAWAT KUKUM

**Seramai** enam orang wakil Ahli Jawatankuasa Teknikal, Anugerah Perdana Teknologi Maklumat (APTMM) 2004 dari Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) yang diketuai oleh Puan Norhamimah bte Ibrahim, Timbalan Pengarah, Bahagian Dasar dan Perancangan ICT telah melawat Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) pada 12 Oktober 2004 lalu. KUKUM telah terpilih dalam pencalonan akhir untuk Anugerah Perdana Teknologi Maklumat 2004. Semasa di sini mereka telah diberikan penerangan tentang sistem teknologi dan maklumat yang telah dibangunkan sejak universiti ini ditubuhkan dan seterusnya membuat penilaian bagi pemarkahan.



B/2

Pelan Strategik ICT atau ICT Strategic Plan (ISP) Sektor Awam telah dilancarkan oleh Y. Bhg. Tan Sri Samsudin bin Osman, Ketua Setiausaha Negara sempena Persidangan CIO Sektor Awam 2003 pada 21 Ogos 2003 yang lalu. Pelan ini telah dibangunkan mulai Mei 2002 bertujuan untuk memastikan supaya inisiatif-inisiatif ICT yang dirancang oleh agensi-agensi Kerajaan adalah sejajar dengan visi ICT sektor awam iaitu untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan cekap. ISP adalah 'blueprint' yang menjelaskan visi, halatuju strategik dan rangka kerja (framework) bagi penggunaan ICT di sektor awam, objektif dan bidang strategik bagi pembangunan ICT serta strategi pelaksanaan dan pelan tindakan yang akan diambil untuk merealisasikan objektif pelan tersebut.